A

MICHIEL UR DAVID & YANG LAIN lwn. MAJLIS UGAMA ISLAM & ADAT RESAM MELAYU PAHANG

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH, KUANTAN
SALEHUDDIN ABD MANAF HMTS
[KES MAL NO: 06100-043-0475-2017]
B 28 MEI 2018

UNDANG-UNDANG ISLAM: *Keluar daripada Agama Islam – Permohonan pengisytiharan sebagai bukan Islam – Pemohon-pemohon memeluk Islam tetapi ingin bebas menganut agama asalnya Hindu – Pemohon-pemohon menafikan*
C *kepercayaan Islamnya dan tidak pernah ikut agama Islam – Keterangan saksi-saksi mengesahkan pemohon-pemohon selalu ke kuil dan membuat aktiviti perayaan keagamaan Hindu diterima sebagai bayyinah bawah s. 83(2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2005 – Sama ada pemohon pertama melafazkan syahadah tanpa mengetahui makna kalimah dan gagal melaksanakan*
D *tuntutan syahadah secara zahir dan batin – Pemohon kedua tidak mengucap dua kalimah syahadah dan tiada saksi mengesahkan prosedur pemelukan agama Islam – Pemelukan Islam pemohon-pemohon tidak sah menurut Hukum Syarak dan undang-undang – Sama ada mahkamah boleh mensabitkan status Islam anak kandung pemohon-pemohon sebagai sah – Pemelukan Islam pemohon-pemohon*
E *tidak sempurna berdasarkan s. 101(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991 – Sama ada pemohon-pemohon kekal dengan agama asalnya*

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Bidang kuasa – Mahkamah Syariah – Permohonan mengisytiharkan diri sebagai bukan Islam – Bidang kuasa mendengar kes keluar daripada agama Islam – Sama ada diberi secara implikasi dan tersirat*
F *pada mahkamah – Sama ada Mahkamah Syariah berbidang kuasa mendengar dan memutuskan kes – Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991, s. 47(2)(b)(ix)*

Pemohon pertama, pemohon kedua dan pemohon ketiga telah memfailkan permohonannya di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan untuk
G mengisytiharkan diri mereka sebagai bukan Islam. Pemohon pertama dan kedua, yang masing-masing dilahirkan dalam keluarga berbangsa India, telah menjalani upacara perkahwinan di sebuah kuil mengikut adat istiadat agama Hindu dan telah mendaftarkan perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negeri Melaka Selatan. Pada 9 Januari 1989, pemohon pertama didaftarkan sebagai
H Islam di pejabat kadi Batu Pahat Johor dengan nama Islam Muhammad Ikhtiaruddin Abdullah. Pengesahan memeluk Islam telah ditandakan sebagai eks. P9. Pada 12 Jun 1989, pemohon kedua telah mendaftarkan diri sebagai seorang Islam dan diberi nama Fatimah Abdullah namun tiada dokumen pengislaman diberikan kepada pemohon kedua. Seterusnya, pada 22 Jun
I 1990, pemohon pertama dan kedua telah dikurniakan seorang anak iaitu pemohon ketiga. Pemohon ketiga didaftarkan nama Islamnya sebagai Nur Siti Hasmah namun telah menggunakan nama Sri Vijayalakshmi dalam

kalangan saudara mara. Pemohon-pemohon membuat permohonan ini kerana ingin bebas menganut agama asalnya iaitu Hindu yang dipercayai mereka sepenuh hati dan mengamalkan agama tersebut tanpa halangan dan sekatan. Isu-isu yang timbul adalah (i) sama ada pemohon-pemohon dalam kes ini adalah penganut agama Islam yang sah; dan (ii) sekiranya proses pemelukan Islam pemohon-pemohon adalah sah, sama ada mahkamah ini berbidang kuasa untuk mengisytiharkan pemohon-pemohon terkeluar daripada agama Islam berdasarkan alasan-alasannya.

Diputuskan (pemelukan agama Islam pemohon-pemohon tidak sah):

(1) Dalam isu bidang kuasa, mahkamah mendapati dan memutuskan bahawa bidang kuasa mendengar kes-kes sebegini diberi secara implikasi dan tersirat kepada mahkamah ini berdasarkan Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini. (perenggan 21)

(2) Pemohon pertama mengakui bahawa niat atau tujuan pemelukan Islamnya adalah untuk mendapatkan pembiayaan kewangan daripada Bank Pertanian Malaysia. Namun pemohon pertama menafikan kepercayaan Islamnya dengan menyatakan sejak memeluk Islam pada 1989, dia masih menganut agama Hindu dan tidak pernah ikut agama Islam. Menurut saksi-saksi, pemohon pertama selalu ke kuil untuk sembahyang dan membuat aktiviti perayaan dan keagamaan Hindu, tidak pernah sembahyang secara Islam dan makan makanan tidak halal. Keterangan saksi-saksi ini boleh diterima mahkamah sebagai *bayyinah* berdasarkan peruntukan s. 83(2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2005. (perenggan 28-31)

(3) Seksyen 101(1)(b) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991 jelas mensyaratkan pemelukan agama Islam akan sempurna sekiranya orang yang mengucapkan kalimah *syahadah* dalam bahasa Arab itu sedar dan mengetahui makna perkataan yang diucapkan. Pemohon pertama telah melafazkan *syahadah* tetapi dia tidak tahu apakah makna kalimah yang diucapkan tersebut. Keterangan jelas menunjukkan pemohon tidak pernah berniat menjadi seorang Muslim dalam erti kata yang sebenarnya. Pemohon pertama gagal memenuhi kehendak s. 101(1)(b) tersebut dan syarat-syarat sah *syahadah* iaitu (i) tiada kepercayaan di dalam hati mengenai lafaz *syahadah* tersebut; (ii) gagal melaksanakan tuntutan *syahadah* secara zahir dan batin; dan (iii) tidak yakin dan beramal dengan dalil-dalil Allah SWT. Maka, lafaz *syahadah* yang dilakukan oleh pemohon adalah pemelukan yang tidak sah ke dalam agama Islam. (perenggan 34-36)

(4) Pemohon kedua pula memberikan keterangan bahawa dia tidak pernah mengucap dua kalimah *syahadah* seperti kehendak peruntukan s. 101(1)(a) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991, tiada kad pengesahan memeluk Islam, pemohon pertama ada membawanya ke Pejabat Agama Islam dan seorang pegawai telah memberikan surat untuk tandatangan sahaja dan tujuan ikut pemohon ke Pejabat Agama Islam adalah untuk menyelamatkan perkahwinan. Pemelukan Islam pemohon kedua amat meragukan. Tiada saksi daripada Pejabat Agama Islam yang boleh mengesahkan prosedur pemelukan agama Islam pemohon kedua. Pemohon kedua juga tidak pernah mengamalkan ajaran-ajaran agama Islam seperti solat lima waktu, berpuasa, makan makanan halal dan lain-lain perbuatan yang melengkapkan keislaman seseorang. Mahkamah berpuas hati bahawa status pengislaman pemohon kedua adalah pemelukan yang tidak sah. (perenggan 46-48 & 50)

(5) Oleh kerana pemelukan pemohon pertama dan pemohon kedua tidak sah menurut Hukum Syarak dan undang-undang, maka mahkamah ini tidak boleh mensabitkan status Islam pemohon ketiga sebagai sah kerana pemohon ketiga lahir hasil perkahwinan pemohon pertama dan pemohon kedua. Di dalam Hukum Syarak, seseorang itu adalah Islam apabila mengucap dua kalimah *syahadah* dengan jelas; atau salah seorang atau kedua ibu bapanya adalah Islam dan telah melakukan ibadat mengikut syariat Islam. Pemohon ketiga tidak memiliki salah satu daripada faktor-faktor tersebut. Kesemuanya mengenali pemohon ketiga sebagai anak kandung pemohon pertama dan pemohon kedua. Pemohon ketiga juga mengesahkan bahawa dia tidak pernah mengamalkan ajaran Islam begitu juga dengan ibu bapanya. Pemohon ketiga sebaliknya mengakui masih menganut ajaran Hindu, sejak kecil dengan bersembahyang mengikut ajaran agama tersebut. (perenggan 51-53 & 55)

(6) Pemohon-pemohon dalam kes ini tidak boleh dikatakan sebagai seorang yang murtad atau terkeluar daripada agama Islam kerana pengislaman pemohon-pemohon adalah sama sekali tidak sah. Mahkamah seterusnya tidak berhasrat untuk mengulas isu sama ada mahkamah ini diberi kuasa untuk membenarkan pemohon keluar daripada agama Islam kerana proses keislaman pemohon-pemohon adalah tidak sempurna mengikut undang-undang dan Hukum Syarak. Apabila diputuskan bahawa pemelukan Islam pemohon-pemohon tidak sempurna berdasarkan peruntukan s. 101(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991, sekali gus tidak sah, maka pemohon-pemohon adalah tidak dianggap sebagai seorang Muslim sebaliknya pemohon-pemohon adalah kekal dengan agama asalnya. (57 & 64)

Kes-kes yang dirujuk:
Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain [2007] 3 CLJ 557 FC ***(dirujuk)***
Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn. Siti Fatimah Tan binti Abdullah, JH 227 bhg II hlm 185 ***(dirujuk)***
Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor [2005] 3 SHLR ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Administration of Islamic Law Enactment 1991, s. 47(2)(b)(ix), 101(1)(a), (b)
Administration of the Religion of Islam (Negeri Sembilan) Enactment 2003, s. 119
Interpretation Acts 1948 and 1967, s. 3
Federal Constitution, art. 160, Ninth Schedule
Syariah Court Evidence Enactment 2005, s. 83(2)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Fiqh al-Nusus fi al-Uqubat Wa al-Qisas, hlm. 48

Bagi pihak pemohon - Amalia Mohamad Said; T/n Wong Law & Ti
Bagi pihak responden - Tidak diwakili

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Salehuddin Abd Manaf HMTS:

Fakta Kes

[1] Dalam kes ini, pemohon 1 Michiel a/l UR David (No. K/P: 540512-01-5087), pemohon 2 Padmavathy a/p Suppiah (No. K/P: 560411-04-5568) dan pemohon 3 Nur Siti Hasmah binti Muhammad Ikhtiaruddin (No. K/P 900622-01-5770) yang beralamat di Kampung Baru Cherating, Bandar Pelancongan Cherating, 26080 Kuantan, Pahang telah memfailkan permohonannnya di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan untuk mengisytiharkan diri mereka sebagai bukan Islam.

[2] Pemohon 1 dilahirkan pada 12 Mei 1954 di Hospital Daerah Batu Pahat, Johor dalam sebuah keluarga berbangsa India beragama Kristian di mana bapa kandung pemohon 1 bernama UR David dan ibu kandung pemohon 1 bernama Germain Susan. Manakala pemohon 2 pula telah dilahirkan di Hospital Ledang Daimaond Jublie Jasin, Melaka pada 11 April 1956 juga dalam sebuah keluarga berbangsa India di mana bapa kandung pemohon bernama Suppiah a/l Kamalappan dan ibu pemohon 2 bernama Siti Kamalajani a/p Krishnasamy.

[3] Pemohon 1 dan pemohon 2 pada 29 Mac 1986 telah menjalani upacara perkahwinan di Kuil Sivan Sri Maha Mariaman, Jasin Melaka mengikut adat istiadat agama Hindu dan telah mendaftarkan perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negeri Melaka Selatan.

[4] Pada 9 Januari 1989, pemohon 1 telah didaftarkan sebagai Islam di Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat, Johor dengan nama Islam Muhammad Ikhtiaruddin bin Abdullah. Pengesahan memeluk Islam dari Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat bertarikh 25 Januari 1989 ditandakan sebagai eks. P9. Pemohon 2 pada 12 Jun 1989 juga telah mendaftarkan diri sebagai seorang Islam dan diberi nama Fatimah binti Abdullah namun tiada dokumen pengislaman diberikan kepada pemohon 2.

[5] Seterusnya pada 22 Jun 1990, pemohon 1 dan pemohon 2 telah dikurniakan seorang anak iaitu pemohon 3 dalam kes ini. Pemohon 3 telah didaftarkan nama Islamnya sebagai Nur Siti Hasmah namun telah menggunakan nama Sri Vijayalakshmi dalam kalangan saudara mara.

[6] Ini adalah kes di mana pemohon 1, pemohon 2 dan pemohon 3 yang telah didaftarkan sebagai beragama Islam memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah supaya mengisytiharkan status diri mereka bukan lagi beragama Islam. Perkara tersebut telah dinyatakan di dalam afidavit sokongan pemohon-pemohon seperti berikut:

> Afidavit Pemohon 1:
>
> 42. Saya masih percaya akan agama Hindu dan ingin terus hidup sebagai seorang Beragama Hindu.
>
> 44. Saya percaya saya tidak pernah menganut agama Islam dan saya tidak percaya akan agama Islam.
>
> Afidavit Pemohon 2:
>
> 10. Saya percaya saya tidak pernah menganut agama Islam dan saya tidak percaya akan agama Islam.
>
> 12. Dengan itu, saya pohon saya dibenarkan menjalani hidup saya sebagai penganut kepercayaan agama Hindu dan meneruskan kehidupan keluarga saya sepertimana yang saya lakukan selama ini tanpa sebarang keraguan dan kesukaran.
>
> Afidavit Pemohon 3:
>
> 9. Saya percaya saya tidak pernah menganut agama Islam dan saya tidak percaya akan agama Islam.
>
> 11. Dengan itu, saya pohon saya dibenarkan menjalani hidup saya sebagai penganut kepercayaan agama Hindu dan meneruskan kehidupan keluarga saya sepertimana yang saya lakukan selama ini tanpa sebarang keraguan dan kesukaran.

Bidang kuasa Mahkamah

[7] Terlebih dahulu, mahkamah sukacita ingin mengulas berkaitan bidang kuasa mahkamah dalam mendengar dan memutuskan kes ini walaupun isu bidang kuasa tidak dipertikaikan oleh pihak-pihak.

[8] Mahkamah mendapati pemohon-pemohon semasa permohonan ini difailkan adalah merupakan pemastautin di Negeri Pahang iaitu beralamat di Kampung Baru Cherating, Bandar Pelancongan Cherating, 26080 Kuantan, Pahang Darul Makmur. Oleh yang demikian, mahkamah berpuas hati tuntutan Plaintif adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Pahang.

[9] Dalam perkara bidang kuasa ini mahkamah merujuk s. 47(2)(b)(ix) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Negeri Pahang) yang memperuntukkan seperti berikut;

> (2) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:
>
> (a) ...
>
> (b) dalam bidangkuasa mal, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berkaitan dengan:
>
> (ix) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidangkuasa diberi oleh mana-mana **undang-undang bertulis**.
>
> (penekanan ditambah)

[10] Namun jika merujuk peruntukan s. 47 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang 1991 di atas, mahkamah mendapati bahawa tidak ada peruntukan khusus berkaitan bidang kuasa mahkamah ini untuk mendengar dan memutuskan soal keluar daripada agama Islam.

[11] Namun dalam peruntukan seksyen tersebut ada menyatakan, mahkamah masih berbidang kuasa jika ada diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.

[12] Justeru, apakah yang dimaksudkan dengan undang-undang bertulis? Akta Tafsiran 1948 dan 1967 dalam s. 3 mendefinisikan undang-undang bertulis:

> Written Laws" means
>
> (a) The Federal Constitution and the Constitutions of the States and subsidiary legislation made thereunder.

[13] Manakala, per. 160 Perlembagaan Persekutuan mentafsirkan

> "Undang-undang bertulis" termasuklah perlembagaan ini dan perlembagaan mana-mana negeri.

[14] Persoalan penting adalah apakah Perlembagaan Persekutuan ada memperuntukkan tentang perkara ini kepada Mahkamah Syariah dan apakah dengan ketiadaan peruntukan yang khusus mengenai keluar Islam, memperlihatkan bahawa mahkamah ini tiada bidang kuasa untuk mendengar permohonan tersebut meskipun peruntukan tentang kemasukan atau pemelukan agama Islam ada diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Negeri Pahang).

[15] Oleh itu, mahkamah kembali merujuk Perlembagaan Persekutuan, Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan menyebut:

> Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan mengawal pengembangan i'tikad dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam, menentukan perkara mengenai hukum syara' dan i'tikad dan adat Melayu.

[16] Mahkamah berpendapat perkataan "menentukan perkara mengenai Hukum Syarak dan iktikad" itu adalah relevan berkaitan permohonan pemohon-pemohon dalam kes ini. Isu bidang kuasa ini juga telah dibincang dengan panjang lebar oleh mahkamah sivil dan terdapat pendekatan secara implikasi dan tersirat yang diambil dalam beberapa keputusan mahkamah dalam mentafsirkan bidang kuasa Mahkamah Syariah berkenaan isu keluar daripada agama Islam ini. Dalam kes *Soon Singh Bikar Singh v. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah & Anor* [2005] 3 SHLR mahkamah memutuskan bahawa:

> walaupun tidak diperuntukkan secara nyata dalam Enakmen Negeri, boleh dibaca secara tersirat ke dalam Enakmen yang didapati daripada peruntukan berkenaan dengan pertukaran agama, secara tersiratnya perkara berkenaan dengan penukaran agama adalah dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah

[17] Pendekatan bidang kuasa tersirat atau secara implikasi yang diguna pakai dalam kes *Soon Singh* tersebut juga telah menjadi isu penting yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain* [2007] 3 CLJ 557. Dalam petikan penghakiman oleh Ketua Hakim Negara telah menyebut seperti berikut:

> Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa adalah sejajar dengan logik untuk Mahkamah Syariah, yang telah dengan jelasnya diberi bidang kuasa untuk mengadili perkara-perkara yang berkaitan dengan pemelukan agama Islam adalah, secara implikasi perlu juga mempunyai bidang kuasa untuk mengadili perkara-perkara yang berkaitan dengan keluarnya seorang Muslim dari agama Islam atau kemurtadan.

[18] Walaupun bidang kuasa ini diberikan kepada Mahkamah Syariah tapi ia tidak diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Negeri Pahang) dan negeri-negeri di Malaysia kecuali Negeri Sembilan dan Selangor. Contoh peruntukan undang-undang bertulis mengenai keluar agama Islam ini ada diperuntukkan dengan khusus dalam s. 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 seperti berikut:

(1) Seseorang Islam tidak boleh keluar daripada Agama Islam atau disifatkan telah meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya melainkan jika dan sehingga dia telah memperoleh suatu perisytiharan bagi maksud itu daripada Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Suatu permohonan bagi perisytiharan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara *ex parte* kepada Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dalam Mahkamah terbuka oleh orang yang berhasrat untuk meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya.

(3) Suatu permohonan di bawah subseksyen (2) hendaklah menyatakan alasan-alasan yang berdasarkannya Pemohon berhasrat untuk meninggalkan Agama Islam sebagai agamanya dan hendaklah disokong oleh suatu affidavit yang menyatakan semua fakta yang menyokong alasan permohonan itu.

(4) Setelah diterima permohonan di bawah subseksyen (2), Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang mendengar permohonan tersebut hendaklah:

(a) menasihati orang itu supaya bertaubat, dan jika Hakim berpuas hati orang itu telah bertaubat mengikut Hukum Syarak, hendaklah merekodkan taubat orang itu; atau

(b) jika orang itu enggan bertaubat, sebelum membuat apa-apa perintah terhadap orang itu, menangguhkan pendengaran permohonan itu untuk tempoh 90 hari dan pada masa yang sama menghendaki Pemohon untuk menjalani sesi runding cara dan bimbingan bagi maksud menasihati Pemohon untuk menimbang semula Agama Islam sebagai agamanya.

(5) Jika pada bila-bila masa orang yang dikehendaki menjalani sesi runding cara dan bimbingan itu telah bertaubat, pegawai yang bertanggungjawab terhadapnya hendaklah menyediakan suatu laporan dengan secepat mungkin dan membawa orang itu ke hadapan Mahkamah Tinggi Syariah.

[19] Namun dalam Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 yang telah dimansuhkan, s. 103(2) ada memperuntukkan berkenaan keluar daripada agama Islam ini, iaitu:

> mana-mana orang yang telah memeluk Ugama Islam menurut Bahagian ini keluar dari Ugama itu maka ia hendaklah melaporkan kepada Mahkamah akan keputusannya itu dan Yang di-Pertua hendaklah mendaftarkan perkara itu. Sebelum keputusannya dilaporkan dan didaftarkan maka ia hendaklah dianggap masih berugama Islam.

[20] Peruntukan ini telah pun dimansuhkan tanpa diganti dengan yang lain kerana di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Negeri Pahang) hanyalah menyebut berkaitan seseorang yang memeluk Islam sahaja.

[21] Oleh yang demikian, dalam isu bidang kuasa ini mahkamah mendapati dan memutuskan berdasarkan alasan-alasan yang dikemukakan dan pandangan hakim mahkamah sivil telah memberikan maksud bahawa bidang

kuasa mendengar kes-kes sebegini diberi secara implikasi dan tersirat kepada mahkamah ini berdasarkan Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa Mahkamah Syariah adalah berbidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini.

Isu-isu Kes

[22] Sebelum mengulas lebih lanjut berkenaan isu kes ini, suka untuk mahkamah meneliti alasan-alasan pemohon dalam permohonannya. Di dalam afidavit pemohon-pemohon menyatakan bahawa pemohon-pemohon membuat permohonan ini kerana ingin bebas menganut agama asalnya iaitu Hindu yang dipercayai mereka sepenuh hati dan mengamalkan agama tersebut tanpa halangan dan sekatan.

[23] Isu utama yang perlu dilihat oleh mahkamah dalam kes permohonan pengisytiharan status agama Islam yang difailkan oleh pemohon-pemohon ini ialah sama ada pemohon-pemohon di dalam kes ini adalah penganut agama Islam yang sah dan sekiranya pemohon-pemohon adalah beragama Islam, adakah mahkamah ini berbidang kuasa untuk mengisytiharkan pemohon-pemohon telah terkeluar daripada agama Islam. Justeru, isu utama yang akan diteliti dan dikupas oleh mahkamah di dalam kes ini adalah:

> Pertama: Samada pemelukan Islam pemohon 1 dan pemohon 2 adalah sah dan bagaimanakah status Islam Pemohon 3?
>
> Kedua: Sekiranya proses pemelukan islam pemohon-pemohon adalah sah, samada Mahkamah ini berbidangkuasa untuk mengisytiharkan pemohon-pemohon terkeluar daripada agama islam berdasarkan alasan-alasannya?

Isu Pertama: Sama Ada Pemelukan Islam Pemohon 1 Dan Pemohon 2 Adalah Sah Dan Bagaimanakah Status Islam Pemohon 3?

[24] Dalam isu ini, untuk menentukan seseorang itu Islam, perlulah dilihat kepada perkara yang boleh menjadikan seseorang itu Islam. Di dalam Hukum Syarak, seseorang itu menjadi Islam apabila mengucap dua kalimah *syahadah* dengan jelas; atau salah seorang atau kedua ibu bapanya adalah Islam dan telah melakukan ibadat mengikut syariat Islam.

[25] Di dalam kes ini, pemohon 1 iaitu Michiel a/l UR David telah didaftarkan sebagai Islam pada 25 Januari 1989 bersamaan 1 Jamadil Akhir 1409H di Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat, Johor Darul Takzim. Sesalinan surat perakuan pemelukan agama Islam pemohon 1 daripada Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat bertarikh 25 Januari 1989 ditandakan sebagai P9. Seterusnya pemohon 2 juga didaftarkan sebagai Islam pada 12 Jun 1989 demi menyelamatkan ikatan perkahwinan. Lebih kurang setahun pemelukan Islam mereka, pemohon 2 telah melahirkan seorang anak iaitu pemohon 3 pada 22 Jun 1990 dan pemohon 3 didaftarkan sebagai seorang Islam dengan nama Nur Siti Hasmah. Salinan kad pengenalan pemohon 3 ditandakan P16.

[26] Persoalan pokoknya, untuk menentukan status sah beragama Islam pemohon 3, perlu mahkamah ini meneliti terlebih dahulu apakah pemelukan Islam pemohon 1 dan pemohon 2 itu sah atau sebaliknya.

Status Islam Pemohon 1

[27] Pertama, mahkamah meneliti proses pengislaman pemohon 1. Bagi menjawab persoalan ini, mahkamah merujuk kepada afidavit sokongan pemohon 1 dan catatan perbicaraan semasa memberikan keterangan pemohon 1 yang telah mengakui bahawa beliau telah melafazkan *syahadah* pada 25 Januari 1989 di Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat, Johor. Seterusnya pemohon 1 telah dibekalkan dengan surat perakuan memeluk agama Islam bertarikh 25 Januari 1989 ditandakan sebagai P9.

[28] Pemohon 1 turut mengakui bahawa niat atau tujuan pemelukan islamnya adalah untuk mendapatkan pembiayaan kewangan daripada Bank Pertanian Malaysia. Pemohon 1 pada ketika itu telah diberitahu oleh pegawai bank bahawa proses pembiayaan kewangan akan lebih mudah diluluskan sekiranya pemohon 1 memeluk agama Islam terlebih dahulu. Di dalam afidavitnya disokong oleh keterangan lisan pemohon 1 pada 30 Januari 2017 menyatakan akibat terdesak untuk mendapatkan pembiayaan kewangan, beliau telah memeluk agama Islam.

[29] Namun pemohon 1 menafikan kepercayaan Islamnya dengan menyatakan sejak memeluk Islam pada 1989 beliau masih menganut agama Hindu dan antara keterangan pemohon 1 adalah seperti berikut:

(a) Saya masih percaya akan agama Hindu dan ingin terus hidup sebagai seorang beragama Hindu.

(b) Saya percaya saya tidak pernah menganut agama Islam dan saya tidak percaya akan agama Islam. Saya tidak pernah ikut agama Islam. Selalu buat perbuatan yang dilarang oleh agama Islam.

[30] Manakala merujuk pula keterangan saksi SP1 dan SP2:

(a) Pemohon seorang Hindu. Selalu datang kuil untuk sembahyang dan membuat aktiviti perayaan dan keagamaan Hindu.

(b) Sembahyang ikut agama Hindu. Tak pernah lihat pemohon sembahyang cara Islam. Pemohon makan tidak halal, selalu makan babi.

(c) Pemohon membela anjing dan menanam pokok di hadapan rumah (mengikut kepercayaan agama Hindu).

(d) Setiap tahun pemohon ada pergi ke kuil di Batu Pahat.

[31] Keterangan saksi-saksi ini boleh diterima oleh mahkamah sebagai *bayyinah* berdasarkan peruntukan s. 83(2) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pahang) 2005 yang menyatakan:

A Seseorang yang bukan Islam adalah berwibawa untuk memberlkan *bayyinah* untuk orang Islam jika keterangannya boleh diterima mengikut Hukum Syarak

[32] Berdasarkan keterangan yang diberikan, maka mahkamah di dalam kes ini merumuskan fakta bahawa semua perkara yang dijelaskan oleh pemohon 1 B dan saksi-saksinya memberi gambaran yang menunjukkan pemohon 1 tidak tahu tentang agama Islam dan tidak mengamalkan Islam sejak pemelukannya ke agama Islam sehinggalah kini. Malah pemohon 1 sehingga kini tidak menukar kad pengenalan dengan nama Islamnya.

[33] Dalam keadaan yang seperti ini, persoalan yang timbul ialah adakah C *syahadah* yang dilafazkan atau pemelukan Islam pemohon pada 25 Januari 1989 di Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat adalah sah mengikut peruntukan s. 101 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991 dan Hukum Syarak? Merujuk peruntukan s. 101(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991 berkenaan dengan syarat D memeluk agama Islam adalah seperti berikut:

(1) Syarat yang berikut hendaklah dipatuhi bagi seseorang yang memeluk agama Islam:

(a) orang itu hendaklah mengucap dua Kalimah *Syahadah* dalam bahasa Arab;

E

(b) pada masa mengucap dua Kalimah *Syahadah* itu, orang itu sedar bahawa kalimah itu bermakna "Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad ialah Pesuruh Allah"; dan

F

(c) pengucapan itu mesti dibuat dengan kerelaan hati orang itu.

[34] Sekiranya diperincikan, sub-s. 101(1)(b) di atas secara jelas mensyaratkan pemelukan agama Islam akan sempurna sekiranya orang yang mengucapkan kalimah *syahadah* dalam bahasa Arab itu sedar dan mengetahui makna perkataan yang diucapkan. Perkara ini bertentangan di dalam kes ini G yang mana pemohon mengaku tidak mengetahui makna kalimah *shahadah* ketika proses pemelukan agama Islam berlaku. Ini secara jelas dinyatakan di dalam afidavit pemohon seperti berikut:

11. Terdesak dengan keadaan ketika itu, saya telah didaftar sebagai Islam pada 09/01/1989 di Pejabat Kadi daerah Batu Pahat Johor setelah diminta H untuk mengucap dalam bahasa arab tanpa diberitahu maksud yang telah saya katakan itu dan saya telah didaftar dengan nama Islam saya iaitu Muhammad Ikhtiyaruddin Bin Abdullah.

[35] Berdasarkan fakta kes dan keterangan yang ada, mahkamah mendapati walaupun pemohon 1 telah melafazkan *syahadah*, tetapi beliau tidak tahu I apakah makna kalimah yang diucapkan tersebut. Sebaliknya tujuan pemelukan Islam pemohon 1 adalah semata-mata untuk mendapatkan pembiayaan kewangan daripada Bank Pertanian Malaysia (BPM) di bawah

skim Tabung Pembangunan Asean-Jepun (AJDF) setelah didorong oleh pegawai bank untuk memeluk agama Islam terlebih dahulu bagi memudahkan proses kelulusan.

[36] Pengakuan pemohon bahawa beliau tidak percaya agama Islam sebagai agamanya dan membuat ikrar bahawa dia masih beragama Hindu serta terus mengamalkan ajaran Hindu selepas *syahadah*, jelas menunjukkan bahawa pemohon tidak pernah berniat untuk menjadi seorang Muslim dalam erti kata yang sebenarnya. Maka mahkamah secara asasnya berpendapat pemohon 1 telah gagal memenuhi kehendak s. 101(1)(b) dan syarat-syarat sah *syahadah* sebagaimana berikut:

(a) Tiada kepercayaan di dalam hati mengenai lafaz *syahadah* tersebut.

(b) Gagal melaksanakan tuntutan *syahadah* secara zahir dan batin.

(c) Tidak yakin dan beramal dengan dalil-dalil Allah SWT.

[37] Di dalam dua kalimah *syahadah* itu terkandung kepercayaan kepada ketuhanan yang sebenarnya dan kepercayaan kepada RasulNya. Jelasnya, seseorang yang hendak mengucap dua kalimah *syahadah* hendaklah ia beriman terlebih dahulu dengan rukun iman dan barulah diikuti dengan lafaz *syahadah*.

[38] Di dalam Kitab *Fatawa Al-Lajnah Al-Da'imah Lil-Buhuthi Al-llmiyyah Wa Al-lfta\3/248* ada menyatakan mengenai soal keimanan iaitu yang bermaksud:

> Iman yang sebenar dan sah mengikut pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah ialah mengucapkannya dengan lidah, beramal dengan rukun-rukunnya dan membenarkannya dengan hati adalah tidak mencukupi jika sekadar mengucap dengan lidah. Namun jika dia meninggal dunia dan pada masa yang sama tidak diketahui tanda- tanda kekufurannya, maka mayatnya hendaklah dimandikan, dikafankan, dan dikebumikan mengikut cara pengurusan jenazah Islam. Penyaksian bahawa 'Tiada Tuhan selain Allah' adalah bermakna tiada sembahan yang hak melainkan Allah. Penyaksian seperti ini adalah tidak memadai hanya dengan kata-kata, bahkan lebih daripada itu mestilah beriman dengan maknanya dan beramal dengan segala yang diperintahkan.

[39] Penyaksian bahawa 'Tiada Tuhan selain Allah' adalah bermakna tiada sembahan yang hak melainkan Allah. Penyaksian seperti ini adalah tidak memadai hanya dengan kata-kata, bahkan lebih daripada itu mestilah beriman dengan maknanya dan beramal dengan segala yang diperintahkan. Mahkamah dapati keadaan ini tidak berlaku kepada pemohon 1. Daripada fakta kes ini, pemohon 1 masih berterusan dengan amalan dan kepercayaan agama Hindu selepas memeluk Islam pada tahun 1989 sehinggalah permohonan difailkan ini.

[40] Manakala merujuk ayat 2-4 Surah al-Anfal di mana Allah berfirman:

> Maksud: Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila ia disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah. laitu orang-orang yang mendirikan sembahyang dan yang mendermakan sebahagian dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka. Merekalah orang-orang yang beriman dengan sebenarnya-benarnya.

[41] Mahkamah juga menegaskan, niat sentiasa memainkan peranan yang sangat penting dan sangat berkait rapat dengan syarat-syarat sah *syahadah*. Ini berdasarkan hadith Nabi SAW yang berbunyi:

> Bermaksud: "Sesungguhnya amalan-amalan itu bergantung kepada niat, dan sesungguhnya yang sabit bagi setiap orang itu apa yang yang diniatkan". (Hdith riwayat Bukhari dan Muslim)

[42] Sahnya iman seseorang itu adalah dengan menyebut *syahadatain* di mana ia merupakan rukun Islam yang pertama. Hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

> Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Saya telah mendengar Rasullah s.a.w. bersabda, Islam itu dibina atas lima perkara. Pengakuan bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa di bulan ramadhan.

[43] Seterusnya mahkamah merujuk kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang Iwn Siti Fatimah Tan binti Abdullah*, JH 227 bhg. II hlm 185 yang mana panel Mahkamah Rayuan yang bersidang memutuskan responden diisytiharkan sebagai seorang yang bukan Islam setelah berpuas hati pemelukan Islamnya sewaktu berkahwin dengan suaminya masih belum sempurna dan jika tidak terus menyempurnakannya, maka seseorang itu tidak diterima menjadi Muslim malah kembali kepada status asalnya sebagai seorang bukan Islam pada kepercayaan asalnya melainkan dia mengucap *syahadah* dengan memenuhi syarat-syarat tertentu. Responden tidak menepati syarat-syarat pemelukan agama Islam berdasarkan peruntukan s. 107(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam Pulau Pinang 2004 kerana tiada kepercayaan di dalam hati mengenai lafaz *syahadah* yang diucapkannya pada 25 Julai 1998 di Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Responden juga turut gagal melaksanakan tuntutan *syahadah* secara zahir dan batin dan panel rayuan sekali gus mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah dan menolak permohonan perayu.

[44] Mahkamah mendapati isu yang sama berlaku di dalam kes di hadapan mahkamah pada hari ini. Apabila dikatakan pemelukan Islam pemohon tidak sah, maka pemohon tidak boleh lagi dianggap sebagai seorang Islam sebaliknya pemohon adalah kekal dengan agama asalnya iaitu Hindu.

[45] Oleh itu, berdasarkan kegagalan pemohon 1 memenuhi syarat-syarat sah *syahadah* tersebut, maka mahkamah berpuas hati dan berpendapat lafaz *syahadah* yang dilakukan oleh pemohon pada 25 Januari 1989 di Pejabat Kadi Daerah Batu Pahat adalah pemelukan yang tidak sah ke dalam agama Islam berdasarkan peruntukkan s. 101(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991.

Status Islam Pemohon 2

[46] Seterusnya yang menjadi persoalan adalah sama ada pemelukan agama Islam pemohon 2 sah atau tidak? Pertama, mahkamah merujuk keterangan lisan yang diberikan oleh pemohon 2 pada 30 Oktober 2017 seperti berikut:

(a) Saya tidak pernah mengucap dua kalimah *shahadah*.

(b) Saya tiada kad pengesahan memeluk Islam.

(c) Pemohon 1 ada bawa ke Pejabat Agama Islam Batu Pahat. Pegawai Pejabat Agama Islam bagi surat untuk tandatangan sahaja.

(d) Tujuan ikut pemohon 1 ke Pejabat Agama Islam adalah untuk menyelamatkan perkahwinan.

[47] Di dalam keterangan yang diberikan tersebut, mahkamah mendapati pemelukan Islam pemohon 2 adalah amat meragukan sama sekali. Pemohon 2 tidak pernah melafazkan *syahadah* sepertimana yang diperuntukkan di dalam s. 101(1)(a) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991 sebagaimana berikut:

> (1) Syarat yang berikut hendaklah dipatuhi bagi seseorang yang memeluk agama Islam:
>
> (a) orang itu hendaklah mengucap dua Kalimah *Syahadah* dalam bahasa Arab;

[48] Manakala menurut keterangan daripada saksi pemohon iaitu Haji Muhammad Tamrin bin Haji Sharif, Qadhi Daerah Batu Pahat Johor mengakui bahawa beliau tidak pasti sama ada wujud ataupun tidak surat pemelukan Islam pemohon 2 dan juga tidak pasti cara pemelukan Islam pemohon 2 adalah menurut Hukum Syarak ataupun sebaliknya. Dalam perkara ini lagi, tiada saksi dari Pejabat Agama Islam yang boleh mengesahkan prosedur pemelukan agama Islam pemohon 2.

[49] Oleh itu, berdasarkan alasan-alasan tersebut sahaja, proses pengislaman pemohon 2 adalah amat diragui dan diyakini adalah tidak sah. Malah pemohon 2 di dalam afidavit sokongannya mengakui dan menyatakan seperti berikut:

> 5. Saya percaya saya telah terpaksa memeluk agama Islam pada 12/06/1989 untuk menyelamatkan perkahwinan saya di mana saya telah diminta untuk menandatangani beberapa dokumen yang tidak diserahkan salinan kepada saya oleh Pejabat Agama Islam Batu Pahat, Johor

6. Saya tidak mendapat apa-apa dokumen pengesahan memeluk agama Islam sejak dari 12.06.1989

7. Saya cuba mendapatkan pengesahan daripada pejabat agama islam batu pahat tentang status saya namun tidak mendapat apa-apa jawapan daripada mereka.

8. Saya ingin kekal menganut agama hindu yang kami percaya sepenuh hati dan agar bebas menganut dan mengamalkan ajaran agama tersebut tanpa sekatan dan halangan hingga akhir hayat kami yang mana kami ingin dikebumikan dan/atau disemadikan mengikut agama kepercayaan kami iaitu agama Hindu.

9. Saya percaya keputusan saya ini dibuat tanpa paksaan dari mana-mana pihak.

10. Saya percaya saya tidak pernah menganut agama Islam dan saya tidak percaya akan agama Islam.

11. Dengan itu, saya pohon saya dibenarkan menjalani hidup saya sebagai penganut kepercayaan agama Hindu dan meneruskan kehidupan keluarga saya sepertimana yang saya lakukan selama ini tanpa sebarang keraguan dan kesukaran.

[50] Oleh yang demikian, berdasarkan keterangan-keterangan tersebut dan berdasarkan penemuan fakta utama iaitu pemohon 2 tidak pernah mengucap dua kalimah *syahadah* sepertimana kehendak peruntukan s. 101(1)(a) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Pahang 1991 di samping penemuan fakta bahawa pemohon 2 tidak pernah mengamalkan ajaran-ajaran agama Islam seperti solat lima waktu, berpuasa, memakan makanan halal dan lain-lain perbuatan yang melengkapkan keislaman seseorang, maka mahkamah berpuas hati bahawa status pengislaman pemohon 2 adalah pemelukan yang tidak sah.

Status Islam Pemohon 3

[51] Seterusnya oleh kerana pemelukan Islam pemohon 1 dan pemohon 2 tidak sah menurut Hukum Syarak dan undang-undang, maka mahkamah tidak boleh mensabitkan status Islam pemohon 3 sebagai sah kerana pemohon 3 lahir hasil perkahwinan pemohon 1 dan pemohon 2.

[52] Seperti yang dijelaskan sebelum ini, untuk menentukan seseorang itu Islam, perlulah dilihat kepada perkara yang boleh menjadikan seseorang itu Islam. Di dalam Hukum Syarak, seseorang itu adalah Islam apabila mengucap dua kalimah *syahadah* dengan jelas; atau salah seorang atau kedua ibu bapanya adalah Islam dan telah melakukan ibadat mengikut syariat Islam. Dalam kes ini pemohon 3 tidak memiliki salah satu daripada faktor-faktor tersebut.

[53] Malah pemohon 3 di dalam keterangan lisan yang diberikan juga mengesahkan bahawa dia tidak pernah mengamalkan ajaran Islam begitu juga dengan ibu bapanya. Pemohon 3 sebaliknya mengakui masih menganut ajaran Hindu sejak kecil dengan bersembahyang mengikut ajaran agama tersebut.

[54] Dalam keterangan pemohon lagi, walaupun pernah belajar tentang agama Islam sewaktu bersekolah, namun ia hanyalah sekadar tuntutan sistem persekolahan yang mewajibkan pelajar mengambil mata pelajaran agama Islam. Pemohon 3 walau bagaimanapun mengakui tidak faham tentang agama Islam dan menyatakan ingin membetulkan semula masa hadapannya dengan menganut agama yang dipercayainya iaitu Hindu.

[55] Meneliti keterangan saksi-saksi pemohon, kesemuanya mengenali pemohon 3 sebagai anak kandung kepada pemohon 1 dengan pemohon 2. Menurut SP1, Murugaiyah a/l Suppiah, pemohon-pemohon dalam kes ini termasuklah pemohon 3 adalah pengamal agama Hindu daripada kecil. Pemohon-pemohon dalam kes ini dinyatakan selalu datang ke kuil untuk sembahyang. SP1 turut mengenali pemohon 3 dengan nama Vijayalakshmi dan mengakui bahawa nama tersebut adalah nama sebenar pemohon 3.

Kesimpulan

[56] Berdasarkan alasan-alasan yang telah dihuraikan di atas, mahkamah berpendapat pemelukan Islam pemohon 1 dan pemohon 2 di dalam kes ini adalah pemelukan yang tidak sempurna berdasarkan peruntukan s. 101(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991 dan oleh kerana status Islam pemohon 1 dan pemohon 2 adalah tidak sah sejak dari awal lagi, maka status Islam pemohon 3 juga adalah turut meragukan.

[57] Maka mahkamah mendapati status Islam pemohon-pemohon di dalam kes ini adalah tidak sah dan pemohon-pemohon adalah kekal dengan agama asalnya. Pemohon-pemohon juga di dalam kes ini tidak boleh dikatakan sebagai seorang yang murtad atau terkeluar daripada agama Islam. Ini kerana, proses pengislaman pemohon-pemohon adalah sama sekali tidak sempurna atau dengan kata lainnya adalah tidak sah.

[58] Pengertian murtad menurut Dr Wahbah Zuhaily di dalam kitabnya *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, jld 6, hlm. 183 mentakrifkan murtad adalah memutuskan hubungan keislaman dengan niat kufur atau kata-kata yang boleh membawa kepada kekufuran ataupun perbuatan yang boleh membawa kekufuran sama ada ia dilakukan secara bergurau senda, bantahan ataupun iktikad. Berdasarkan takrifan tersebut, asas seseorang itu dianggap murtad ialah:

(i) Seseorang yang telah pasti keislamannya berniat untuk kufur; atau

(ii) Melalui kata-kata yang boleh membawa kepada kekufuran; atau

(iii) Melalui perbuatan yang boleh membawa kekufuran sama ada ia dilakukan secara bergurau, bantahan, ataupun iktikad.

[59] Manakala Dr Zulkifly bin Muda di dalam kitabnya *Fiqh al-Nusus fi al-Uqubat Wa al-Qisas* hlm. 48 menyatakan bahawa bagi mempastikan kesahihan *riddah* seseorang, ada dua perkara yang mesti diteliti iaitu:

(i) Orang yang murtad ini benar-benar menjadi penganut Islam sebelum *riddahnya*. Ini bermakna seseorang yang munafiq iaitu menzahirkan Islam tetapi menyembunyikan kekufuran di dalam hatinya, *riddahnya* tidak dikira kerana dari awal lagi Islamnya adalah tidak sah di sisi Allah.

(ii) la memutuskan Islamnya (keluar daripada agama Islam) dengan rela dan redanya. Ini bermakna sesiapa yang terlepas cakap yang boleh membawa kepada *riddahnya* tidak dikira kerana ia bukan datang dari hatinya dan redanya.

[60] Berdasarkan keterangan pemohon-pemohon menunjukkan masih lagi berpegang dengan ajaran agama Hindu dan dalam sepanjang keterangannya mengakui tidak pernah langsung mengamalkan ajaran Islam. Ini membuktikan bahawa status keislaman pemohon-pemohon adalah meragukan sejak awal lagi. Malah proses pemelukan Islam pemohon 1 dan pemohon 2 adalah tidak sempurna seperti dikehendaki oleh Hukum Syarak dan undang-undang. Oleh itu, apabila status keislamannya dipersoalkan atau tidak dipastikan, maka ia tidak boleh sesekali dianggap sebagai seorang yang murtad bahkan sebenarnya dia tidak pernah diterima secara sah ke dalam Islam dan masih kekal di dalam agama asal.

[61] Mahkamah juga ingin menegaskan bahawa agama Islam adalah agama yang suci dan tinggi. Ia ditegah dari dipermainkan oleh sesiapapun sama ada secara sengaja mahupun tidak. Hanya agama Islam sahaja yang diterima oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya dalam surah ali-lmran ayat 19 yang berbunyi:

> Bermaksud 'sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak beselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah amat segera hitungan hisabNya.

[62] Perkara ini seterusnya ditegaskan oleh Nabi Muhammad SAW menerusi sabdanya yang berbunyi:

> Bermaksud Islam itu tinggi, dan tidak ada agama yang lebih tinggi daripadanya. (Hadis riwayat al-Baihaqi)

[63] Islam datang daripada Allah yang Maha Bijaksana. la sesuai dengan fitrah manusia. Terkandung dalam persuratan ajarannya keadilan untuk semua golongan. Menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim memelihara imej Islam. Semua umat Islam hendaklah meneguhkan pegangan kepada agama yang mulia ini dan memeliharanya daripada segala apa yang

merosakkan, kerana agama Islam saja yang diredai Allah dan yang menentukan nasibnya untuk mencapai kebahagiaan yang sebenarnya khusus di akhirat kelak.

[64] Mahkamah seterusnya tidak berhasrat untuk mengulas isu kedua iaitu sama ada mahkamah ini diberi kuasa untuk membenarkan pemohon keluar daripada agama Islam kerana proses keislaman pemohon-pemohon adalah didapati tidak sempurna mengikut undang-undang dan Hukum Syarak. Apabila diputuskan bahawa pemelukan Islam pemohon-pemohon tidak sempurna sekali gus tidak sah, maka pemohon-pemohon adalah tidak dianggap sebagai seorang Muslim sebaliknya pemohon-pemohon adalah kekal dengan agama asalnya.

Diputuskan

[65] Setelah mahkamah meneliti permohonan dan segala keterangan yang diberikan serta hujah pihak pemohon, maka dengan ini mahkamah memutuskan seperti berikut:

(i) Mahkamah mengisytiharkan bahawa pemelukan agama Islam pemohon 1 dan pemohon 2 adalah tidak sah berdasarkan s. 101(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991.

(ii) Oleh kerana pemelukan Islam pemohon 1 dan pemohon 2 tidak sah, maka status Islam pemohon 3 juga adalah terbatal.

(iii) Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan kes ini boleh mengemukakan rayuan dalam masa (14) hari dari tarikh perintah kes ini.